



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2(50)

Tarikh: 18 Mac 2011

KENYATAAN MEDIA

AMARAN MENGGANGGU PEGAWAI BOMBA DALAM MENJALANKAN TUGAS

1. Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM) memandang serius kejadian seorang lelaki yang mengganggu anggota bomba ketika menjalankan tugas memadamkan kebakaran dengan memaki hamun sebelum memukul anggota bomba yang sedang bertugas sepertimana yang dilaporkan dalam media massa baru-baru ini.
2. Berdasarkan Seksyen 51, Akta Perkhidmatan Bomba 1988, menyatakan mana-mana orang yang bersengaja mencaci, menyerang, mengacau, menghalang, menggalang, atau mengganggu mana-mana Pegawai Bomba atau Pegawai Bomba Bantuan yang bertindak dalam melaksanakan tugas-tugasnya boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 58, yang memperuntukkan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit

kesalahan.

3. Sehubungan itu, orang ramai atau orang awam diingatkan agar memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mana-mana anggota atau pegawai bomba yang sedang menjalankan tugas sama ada ketika operasi memadamkan kebakaran atau apa-apa operasi menyelamatkan bagi mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang seperti yang temaktub dibawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).
4. Orang ramai juga hendaklah mematuhi sebarang arahan apabila diminta oleh anggota atau pegawai bomba yang sedang bertugas bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku seperti yang diperuntukan dibawah Seksyen 18 (1) (a) akta yang sama, seseorang pegawai bomba boleh mengambil apa-apa langkah yang didapati perlu atau suai manfaat bagi melindungi nyawa dan harta.
5. Oleh itu, Jabatan ini amat mengharapkan agar orang ramai memahami dan memberikan kerjasama kepada mana-mana pegawai bomba yang sedang menjalankan tugas. Apa-apa aduan dan ketidakpuasan mesyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan, bolehlah membuat aduan melalui e-mel aduan@bomba.gov.my atau korporat@bomba.gov.my.

**PPjB SOBBERI BIN BASIRAN
PENOLONG KETUA PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA**

18 MAC 2011

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tel+60388880036, Faks: +60388880840; Emel: korporat@bomba.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sobberi Basiran, PKP Pengurusan Korporat sobberi_64@bomba.gov.my; sobberi_64@yahoo.com atau Encik Mohd Azmi Abd Majid di talian 038880036 ext. 325/017-6826205 atau emel m.azmi@bomba.gov.my, pegawai penerangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).